

| | | | |
|-------------|----------------------------|------------|---------|
| Headline | 'Bagaikan mimpi buat kami' | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 09 May 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 197,202 | Readership | 875,000 |
| Section | Negara | Page No | 16 |
| ArticleSize | 467 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 36,357 | | |



Projek Baiti Jannati TNB hadirkan keceriaan buat golongan memerlukan 'Bagaikan mimpi buat kami'

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Kepayahan hidup dua beranak yang kehilangan tempat berteduh akibat kebakaran hujung tahun lalu berakhir apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) membina kediaman baharu buat mereka menerusi Projek Baiti Jannati.

Dua beranak itu, Sholehah Mohd. Arop, 54, dan ibunya, Mah Hussain, 84, kini memiliki rumah yang sempurna dan selesa untuk didiami.

Mereka merupakan antara 15 penerima bantuan rumah di bawah projek Baiti Jannati atau Rumahku Syurgaku di Kedah pada tahun ini.

Majlis penyerahan rumah kepada dua beranak terbabit dan replika kunci kepada 14 penerima lain disempurnakan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah di Jalan Sekolah Alor Merah di sini Sabtu lalu.

Turut hadir, Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Berhad Kedah, Ismail Lathifi Teh.

Menurut Sholehah, dia dan ibunya tinggal sehala sepinggang selepas rumah pusaka peninggalan arwah bapanya, Md. Arop Man musnah sekelp mata dalam kejadian pada 12



RUMAH BAHARU. Sholehah memegang replika kunci selepas Majlis Penyerahan Perdana Projek Baiti Jannati TNB Peringkat Negeri Kedah di Jalan Sekolah Alor Merah, Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

September tahun lalu.

"Sejak kejadian itu, saya dan ibu menumpang rumah abang dan Alhamdulillah, mulai hari ini kami sudah berpindah masuk ke rumah baharu ini," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan tersebut.

Menurut Sholehah lagi, dia tidak pernah mengimpikan untuk memiliki sebuah rumah baharu, apatah lagi dilengkapi perabot asas seperti katil dan meja makan.

"Ibu saya sebak dan menangis sebak sahaja menjekakkan kaki ke dalam rumah baharu

kerana semua ini bagaikan mimpi buat kami," ujarnya yang tidak bekerja.

Dia yang merupakan anak bongsu daripada lima beradik berterima kasih kepada TNB atas bantuan rumah tersebut serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Alor Merah dan UMNO yang membantu menguruskan permohonan berkenaan.

Seorang lagi penerima, Mohamad Hisham Omar, 49, dari Kampung Hutan Gelam, Langgar di sini berkata, rumah baharu yang telah didudukinya



ISMAL LATHIFI (dua dari kiri) menyerahkan replika kunci kepada Mohamad Hisham (dua dari kanan) pada program bantuan Projek Baiti Jannati sambil disaksikan Ahmad Bashah (tengah) di Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

itu sangat selesa berbanding rumah lama yang tidak mempunyai bilik.

"Sebelum ini, saya dan isteri, Norhayati Baharom, 47, yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) terpaksa tinggal di rumah yang kecil dan uzur selain tidak mempunyai bilik kerana kesempitan hidup.

"Kehidupan kami berubah apabila menerima bantuan rumah yang sangat sempurna dan selesa untuk didiami," katanya yang juga seorang OKU dan kini berniaga di pasar malam.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, inisiatif TNB menerusi tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu dengan membantu golongan miskin, OKU dan ibu

tunggal patut dipuji.

"Saya berterima kasih kepada TNB yang membina sebanyak 15 buah rumah baharu menerusi projek ini di Kedah pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM750,000," katanya.

Beliau berkata, projek itu bertepatan dengan usaha kerajaan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat khususnya OKU, ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin di luar bandar terjaga.

"Keprihatinan TNB ini bukan hanya dizahirkan melalui ucapan tetapi ia diterjemahkan melalui komitmen dan bantuan seperti rumah kediaman yang selamat dan selesa," ujarnya.